
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RPK 233 – Kaedah Analisis Perancangan

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

...2/-

1. (a) Terangkan secara ringkas 3 model unjuran penduduk.
(6 markah)
 - (b) Terangkan dengan ringkas 3 model gunatanah.
(6 markah)
 - (c) Terangkan klasifikasi-klasifikasi yang terdapat dalam sektor peruncitan berskala besar dan berskala kecil.
(4 markah)
- Apakah kepentingan atau rasional mewujudkan sektor peruncitan berskala besar dan berskala kecil secara bersama dalam suatu kawasan komersil?
- (3 markah)
- (d) Berdasarkan maklumat dalam **Jadual 1**, bincangkan implikasi atau kesan pertumbuhan penduduk kepada perancangan bandar di Malaysia.
(6 markah)

Konurbasi Conurbation	Populasi 2000 (dalam ribu)	Populasi 2020 (dalam ribu)	Populasi Bandar 2020 (%)
K. Lumpur	4,815.4	8,457.7	51.7
Georgetown	1,266.8	2,424.5	14.8
Johor Bahru	1,013.0	1,836.6	11.2
Kuantan	317.0	637.9	3.9

Nota: Konurbasi adalah gabungan beberapa bandar utama yang berdekatan

Jadual 1: Pertumbuhan Penduduk Konurbasi di Malaysia

2. (a) Terangkan perbezaan di antara persampelan rawak mudah dan persampelan berstrata.

(10 markah)

- (b) Bincangkan fungsi kajian rintis.

(10 markah)

- (c) Terangkan maksud istilah-istilah berikut:-

- (i) kesahihan
- (ii) sampel bola salji
- (iii) rangka persampelan
- (iv) demografi
- (v) etika

(5 markah)

3. (a) Apakah kelebihan menggunakan kaedah kualitatif dalam penyelidikan khususnya dalam konteks perancangan?

(6 markah)

- (b) Nyatakan 3 jenis temuduga terbuka (*open ended interview*) dan terangkan dengan ringkas ciri-cirinya.

(9 markah)

- (c) Dalam keadaan apakah temuduga terbuka sesuai digunakan untuk mengutip data kualitatif? Terangkan.

(5 markah)

- (d) Nyatakan dengan ringkas kenapa data kualitatif tidak sesuai dianalisa menggunakan perisian komputer?

(5 markah)

....4/-

- 4 -

4. (a) Terdapat pelbagai kos yang perlu diambil kira semasa membuat analisis untuk menentukan mod pengangkutan awam yang terbaik untuk dijadikan model dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada pengusaha, pengguna dan masyarakat. Huraikan kos-kos tersebut.
- (b) Bincangkan langkah-langkah yang dijangka akan diambil untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang dijangkakan akan wujud pada tahun 2010 setelah membuat unjuran isipadu lalu lintas pada satu rangkaian jalan raya A, B, C dan D seperti dalam **Jadual 2** di bawah.

Jalan		Purata Isipadu Lalu Lintas (ken/jam)	
Nama	Muatan (ken/jam)	2004	2005
A	3500	3000	3400
B	4000	3200	3450
C	4200	3400	3700
D	4500	3550	3900

Jadual 2

(25 markah)

-ooo O ooo-